

Aktiviti : PROGRAM GLOBAL SURVEYORS' DAY 2024 (GSD), INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Tarikh : 4 Mac 2024 / 22 Syaaban 1445H

Sebagai memenuhi sambutan hari juruukur yang disambut setiap 21 Mac ini, Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) telah melaksanakan pelbagai aktiviti serta pertandingan termasuk aktiviti *Run Surveyor Run* dan Majlis Perasmian GSD 2024 yang dirasmikan oleh YBrs Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN.

Program bermula dengan pelepasan peserta *Run Surveyor Run* sekitar jam 8.45 pagi dan selesai dengan upacara perasmian sekitar jam 11.15 pagi itu telah berjaya dilaksanakan meskipun dalam keadaan sederhana. Dalam acara *Run Surveyor Run* yang dipertandingkan, Pasukan daripada Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah telah dinobatkan sebagai johan bagi kategori peserta dalaman. Manakala peserta luar adalah dari Bahagian Kartografi dan GIS Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Ibu Pejabat.

Semasa program perasmian dilancarkan di dewan Kuliah Utama INSTUN, seluruh warga INSTUN turut sama-sama hadir untuk menyaksikan majlis perasmian yang sinonim dengan program GSD di INSTUN. Setiap perasmian akan diwarnai dengan gimik yang berlatarbelakangkan bidang ukur dan pemetaan. Kami warga BUP merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian di semua aktiviti yang diadakan pada program kali ini. Seandainya ada kekurangan dan kekilafan sepanjang kami menguruskan aktiviti dan program, kami memohon maaf dan sehingga bertemu di Program GSD akan datang.

